

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HGF 326 Geografi Fizikal Untuk Pendidikan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan: DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. [a] Jelaskan apa yang dimaksudkan dengan konsep pendekatan sistem.
[5 markah]
- [b] Dengan menggunakan contoh-contoh dari sekurang-kurang **tiga** sub-bidang geografi fizikal, bincangkan bagaimana pendekatan sistem dapat digunakan untuk mengkaji berbagai aspek geografi fizikal.
[20 markah]
2. [a] Huraikan perkembangan teori hanyutan benua.
[10 markah]
- [b] Bincangkan bagaimana plat tektonik dapat digunakan untuk menghuraikan teori hanyutan benua.
[15 markah]

.../2

3. [a] Huraikan berbagai proses luluhawa di Malaysia.
[10 markah]
- [b] Apakah faktor-faktor utama yang mempengaruhi proses luluhawa fizikal di Malaysia?
[15 markah]
4. [a] Bincangkan sejauhmana tindakan manusia akan mempengaruhi perubahan aras laut pada pertengahan abad ke21.
[10 markah]
- [b] Huraikan kesan-kesannya terhadap manusia.
[15 markah]

BAHAGIAN B

5. [a] Dengan menggunakan sebuah gambarajah yang sesuai, huraikan perubahan berbagai bentuk tenaga dan fasa air di dalam sistem bumi-atmosfera.
[10 markah]
- [b] Huraikan kepentingan perubahan bentuk-bentuk tenaga terhadap berbagai aspek cuaca dan iklim.
[15 markah]
6. Bincangkan daya-daya utama yang memandu pergerakan Angin Monsun di antara benua Asia dan benua Australia.
[25 markah]

.../3

7. Bincangkan bagaimana cahaya ATAU air dapat mempengaruhi tumbesaran tumbuhan.

[25 markah]

8. Dengan menggunakan contoh-contoh tempatan dan luar negara, bahaskan sejauhmana iklim mikro telah dipengaruhi oleh aktiviti manusia.

[25 markah]

--oo000oo--

